

03 JUL 1998

GALERIA PERDANA DAN THE ANDAMAN DATAI MUNCUL JOHAN LANDSKAP

LANGKAWI 3 Julai (Bernama) -- Galeria Perdana, bangunan yang menempatkan koleksi cenderamata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Hotel The Andaman Datai Langkawi di sini muncul johan pertandingan landskap Hari Kebangsaan 1998 peringkat negeri.

Penolong Pegawai Daerah Langkawi Syed Shaharuddin Syed Abdullah hari ini berkata Galeria Perdana menjuarai kategori bangunan awam/keselamatan manakala hotel bertaraf lima bintang itu menjadi johan kategori hotel/pelancongan.

Katanya kemenangan itu melayakkan Galeria Perdana dan hotel itu mewakili Kedah ke pertandingan peringkat kebangsaan tidak lama lagi.

Pertandingan itu diadakan sempena Hari Kebangsaan bagi menjadikan negara ini sebuah taman indah dan menarik.

Syed Shaharuddin berkata pemilihan adalah berdasarkan ciri-ciri penjagaan, kehijauan, keceriaan dan bunga-bunga berwarna warni dengan mengutamakan landskap untuk pelancongan.

Pada Tahun lepas, Hotel Radisson di sini menjadi johan peringkat kebangsaan dalam kategori hotel/pelancongan dan sebelum itu Berjaya Beach Resort menjuarai kategori yang sama.

-- BERNAMA

ZI NH RHM